

Kerjasama dengan DAP tak berdosa?

UM 16 OCT 1990

SEREMBAN 15 Okt. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir hari ini membidas Timbalan Yang Dipertua Pas, Haji Hadi Awang kerana mendakwa bahawa mereka yang memilih calon yang tidak bercakap benar akan mendapat celaka.

Beliau bertanya Haji Hadi: "Adakah Pas yang bekerjasama dengan DAP tidak berdosa?"

Menurut beliau, UMNO sebagai sebuah parti bagi orang Islam mahu bekerjasama dengan Pas tetapi hasrat itu ditolak oleh Pas sendiri.

"Ia tidak sanggup bekerjasama dengan UMNO sebaliknya sanggup berkawan dengan Kit Siang, golongan ekstrimis dan para pendidik Cina yang anti Melayu," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau berkata demikian semasa ditanya oleh pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan calon - calon BN di dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini.

Menurut Perdana Menteri, Pas dan DAP masing - masing mendakwa tidak mempunyai kerjasama sedangkan mereka saling bantu antara satu sama lain untuk memenangkan calon mereka.

Misalnya di Alur Setar, DAP yang pada 1986 mendapat 9,000 undi telah tidak bertanding kerana mahu penyokong - penyokongnya mengundi Pas.

Begitu juga di Kota Bharu, DAP pula meletak calonnya untuk menarik undi kaum Cina daripada menyokong calon MCA tunggal yang bertanding di Negeri Kelantan kerana mahu memenangkan Pas.

"Tidaklah ini satu kerjasama. Tetapi pemimpin - pemimpin Pas dan DAP menafikan perkara itu kerana mereka masing - masing takut kehilangan kepercayaan di kalangan orang - orang Melayu dan Cina," tambah beliau.

Perdana Menteri juga menolak pelawaan Dato'

Rais Yatim untuk berdebat dengan beliau melalui televisyen kerana menyifatkan pelawaan itu dibuat atas kepentingan diri.

"Saya mempunyai banyak tempat untuk dilawati. Tetapi dia (Dato' Rais) nak berdebat untuk kepentingan diri, bukan untuk kepentingan saya.

"Kenapa perlu saya layan permintaan seperti itu, bukan kerja saya berkempen untuk mereka," katanya kepada para pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari dengan calon, bekas calon dan jentera pilihanraya Barisan Nasional di sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Dato' Rais sebenarnya mahu mencari publisiti di televisyen sahaja.

"Saya sendiripun tidak ambil masa yang banyak dalam TV... cuma setakat laporan macam ini (sidang akhbar) sahaja, saya dapati mereka agak pelik sedikit," katanya.

Perdana Menteri berkata, kalau mahu menggunakan media mereka hendaklah memberi kemudahan kepada pihak media.

Sebaliknya, ujar beliau, bila akhbar kecam mereka, mereka langsung tidak mahu membenarkan akhbar menemuramah mereka.

"Umpamanya saya dengar TV3 tidak boleh rekod semua pemimpin Semangat 46. Tapi orang ini kecam kita kononnya tidak memberi kebebasan akhbar."

"Kebebasan akhbar bermakna akhbar boleh mengambil sikap pro ataupun anti."

"Tetapi bagi mereka, kebebasan akhbar setakat pro kepada mereka sahaja. Mereka ini (yang pernah membakar akhbar) kalau boleh mereka akan bakar TV... tapi mereka tak ada kuasa... itu sahaja," kata Dato' Sri Dr. Mahathir lagi.